

# Kawal penjualan arak di Malaysia

Saran tambah baik undang-undang memandu di bawah pengaruh alkohol

Oleh MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

SHAH ALAM



Op Mabuk yang dilaksanakan pihak berkuasa di bandar-bandar di Malaysia.

**P**enambahbaikan undang-undang berkaitan kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol perlu dilakukan secara holistik bermula daripada penguatkuasaan penjualan arak sehingga hukuman di mahkamah.

Pengerusi Lajnah Undang-undang dan Hak Asasi Manusia Pas, Wan Rohimi Wan Daud berkata, kemalangan maut yang berlaku itu ada kaitan dengan beberapa aspek seperti kelulusan premis jualan, waktu operasi dan kaedah penjualan arak.

Sehubungan itu katanya, penambahbaikan tidak menumpukan aspek hukuman semata-mata, sebaliknya ia perlu dilihat secara menyeluruh bagi mengenal pasti puncanya.

“Apa yang berlaku sekarang ini perlu dilihat secara holistik bukan saja undang-undang tetapi kita nak mengenal pasti ataupun memperbaiki dari mana puncanya.

“Undang-undang bersifat menghukum sedangkan kerosakan telah pun berlaku. Jadi akar kena diubahi dan kesalahan

juga kena hukum,” katanya selaku panelis Wacana *Sinar Harian* Siri 171 bertajuk Isu Pemandu Mabuk: Sampai Bila ‘Pembunuh’ Terlepas? di Kompleks Karangkruf di sini kelmarin.

Wacana dikendalikan moderator, Amin Idris itu turut menampilkan Pensyarah Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Kulanthayan KC Mani dan pendakwah bebas, PU Amin sebagai ahli panel.

Mengulas lanjut, Wan Rohimi berkata, had kandungan alkohol yang dibenarkan untuk memandu di Malaysia sangat tinggi berbanding negara lain.

Katanya, Seksyen 45G memperuntukkan had 35 mikrogram alkohol dalam 100 milimeter nafas dan 80 miligram alkohol dalam 100 milimeter darah atau 107 miligram alkohol dalam 100 milimeter air kencing.

“Itu kadar yang tinggi.



WAN ROHIMI

Mungkin kita boleh lihat lagi akta untuk meminimumkan kadar selain meningkatkan hukuman,” katanya.

Jelasnya, operasi pusat hiburan dan penjualan arak perlu dipendekkan sebelum jam 10 malam dan minuman keras perlu di-

import.

“Di peringkat Persekutuan dan banyak negeri lain seolah-olah tidak ada kawalan bahkan pusat hiburan beroperasi sehingga jam 4 pagi,” katanya.

Mengulas mengenai hukuman bunuh kepada pemandu mabuk sehingga menyebabkan kematian, beliau berpandangan kes melibatkan kemalangan jalan raya tidak boleh disamakan dengan jenayah bunuh.

Katanya, sekiranya dalam situasi seseorang memandu di bawah pengaruh alkohol dan ada unsur jenayah bunuh yang dapat dibuktikan, maka pelaku boleh didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksan.